

Larangan Mencela Makanan

Makanan merupakan rezeki daripada Allah *Subhanahu wata'ala* yang wajib disyukuri. Menghargai makanan adalah sebahagian daripada adab yang dianjurkan dalam Islam. Sikap menghargai makanan juga termasuk dalam penghormatan terhadap usaha dan kerja keras kepada orang yang telah menyediakan makanan tersebut.

Justeru, mencela makanan adalah perbuatan yang dilarang dan bertentangan dengan adab-adab serta nilai-nilai Islam. Dalam kehidupan seharian, reaksi terhadap makanan mencerminkan keperibadian dan sikap seseorang itu. Sayyidina Abu Hurairah Radiyallahu 'anhu berkata:

مَا عَابَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَعَامًا قَطُّ كَانَ إِذَا اشْتَهَى شَيْئًا أَكَلَهُ وَإِنْ كَرِهَهُ تَرَكَهُ

Maksud:

"Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* sama sekali tidak pernah mencela makanan. Apabila Baginda menyukai suatu makanan, Baginda akan memakannya. Namun, apabila Baginda tidak menyukai makanan tersebut, Baginda akan membiarkannya."

(Hadis Riwayat Muslim, no. 2064)

Kesimpulannya, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* menganjurkan sekiranya kita tidak menyukai makanan tertentu, lebih baik kita meninggalkannya tanpa perlu mengucapkan kata-kata yang merendahkan makanan tersebut. Dengan tidak mencela makanan, bukan sahaja menjaga adab, tetapi juga memelihara keharmonian dan hubungan baik dalam masyarakat. Marilah kita semua berusaha untuk lebih menghargai setiap nikmat yang telah diberikan dan menjaga adab dalam setiap tindakan kita, termasuk dalam hal makanan. *Wallahu 'alam*.